



29 Jun 2021  
29 June 2021  
P.U. (A) 284

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION)  
(NO. 8) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 8) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“pelabur asing” ertinya—

(a) individu yang tidak bermastautin di Malaysia atau bukan warganegara Malaysia;

(b) syarikat yang seluruh modal syer diterbitkan yang faedahnya dimiliki, secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang tidak bermastautin di Malaysia dan bukan warganegara Malaysia; dan

(c) dana amanah yang seluruh kepentingan dalam dana itu yang faedahnya dipegang, secara langsung atau tidak langsung oleh pelabur asing, yang—

(i) dana itu diwujudkan di Malaysia atau di luar Malaysia; dan

(ii) pemegang amanah dana itu tidak bermastautin di Malaysia dan bukan warganegara Malaysia;

“Suruhanjaya Sekuriti Malaysia” ertiinya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*];

“syarikat” ertiinya suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) memegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] untuk menjalankan perniagaan yang disebut dalam subperenggan 3(1).

### **Pengecualian**

3. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat daripada pembayaran cukai pendapatan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan menyediakan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur asing di Malaysia.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarikat mendapatkan perakuan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa syarat yang berikut telah dipenuhi iaitu syarikat—

- (a) menyediakan perkhidmatan pengurusan kumpulan wang kepada pelabur asing di Malaysia menurut prinsip Syariah;
- (b) mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pekerja sepenuh masa di Malaysia yang salah seorang daripada pekerja itu memegang suatu Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan